

30/06/2000

`Chandra suka kepada cara kuku besi'

BANGI, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Chandra Muzaffar mempunyai hasrat tertentu untuk dilaksanakan di negara ini.

Tanpa menyebut hasrat itu, Perdana Menteri berkata, ketika berada dalam pertubuhan bukan kerajaan dahulu, Chandra mahu supaya kerajaan menuruti kehendaknya.

"Dia memang daripada dulu pun nak kemahuannya (dilaksanakan) ke atas seluruh negara. Jadi kita buat semua tak kena, nak kena turut dia. Kalau tak ikut dia, kita jadi salah.

"Sekarang ini dia berpeluang menunjukkan kebolehannya dalam parti Keadilan dan kita nampak jelas dia suka kepada cara kuku besi, diktator. Dia tuduh orang lain diktator, tetapi dia yang diktator.

"Siapa yang menentang dia, kenalah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Universiti Tenaga Nasional (Uniten) dekat sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai isu di antara Chandra dan Naib Presiden Keadilan, Marina Yusoff, yang keluar daripada parti kerana tidak bersependapat dengan Timbalan Presiden parti itu baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak hairan dan terkejut dengan pergolakan dalam parti pembangkang itu sekarang terutama perselisihan di antara Chandra dan Marina.

Bagaimanapun, katanya, proses kemasukan bekas ahli pembangkang terutama Keadilan ke dalam Umno akan diperketatkan bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar taat dan menerima prinsip perjuangan Umno diterima.

Katanya, Umno tidak mahu berulangnya orang yang menyertai parti itu semata-mata kerana mahu `mengejar kedudukan teratas' dan tidak mempunyai perasaan taat setia kepada Umno serta prinsip perjuangan parti itu.

"Kita perlu lebih berhati-hati sekarang terhadap jenis orang yang akan kita terima masuk dalam parti," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebelum menerima bekas pemimpin dan anggota pembangkang ke dalam parti, Umno mahu tahu sebab mereka mahu menyertainya.

"Jika mereka mahu menyertai Umno kerana percaya kepada perjuangan dan prinsip Umno, kita akan menerimanya," katanya.

Mengenai cadangan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat supaya diadakan restoran berasingan untuk orang Islam dan bukan Islam, Dr Mahathir berkata cara itu akan hanya memisahkan rakyat.

"Jika kita mempunyai restoran yang berasingan untuk orang Islam dan bukan Islam, saya rasa orang yang memakai ketayap putih perlu diasingkan daripada mereka yang bersongkok hitam ... ini tidak akan menyatukan rakyat," katanya.

Nik Aziz membuat cadangan itu sebagai menyokong tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) yang menangkap 25 umat Islam di Restoran The Ship, Damansara minggu lalu.

Menteri Besar Kelantan itu berkata, orang Islam dilarang memasuki restoran yang menghidangkan masakan babi atau minuman alkohol.

(END)